

# BN tolak politik perkauman

**P**ENAMPANG: Datuk Seri Najib Razak menegaskan Barisan Nasional (BN) tidak akan tunduk terhadap tekanan mana-mana pihak yang mengamalkan politik perkauman dan berfikiran sempit.

Timbalan Perdana Menteri berkata, gagasan itu memerlukan parti komponen matang dan mampu membentuk persefahaman ke arah memastikan segala perancangan dapat diterjemah sewajarnya.

"Kita tidak terima kalau ada yang cuba membakar semangat kenegerian kerana sebagai warga BN, kita tetap bersama sebagai satu keluarga besar.

"BN parti yang kuat dan kalau ada sesiapa nak main politik sempit, mengugut atau menekan, BN tidak akan layan," katanya berucap merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Parti Bersatu Sabah (PBS) ke-21 di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman dan Presiden PBS yang juga Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan.

Sementara itu ketika berucap di Kota Kinabalu, Najib berkata, tiada parti di dunia boleh menandingi rekod BN dalam melaksanakan konsep perkongsian kuasa di kalangan parti berbilang kaum.

"Dulu ada kumpulan dipanggil Barisan Alternatif cuba meniru tetapi mereka tidak berjaya langsung menggugat BN," katanya berucap merasmikan Perhimpunan Tahunan Parti Liberal Demokratik (LDP) ke-17 di sini, semalam.

Najib berkata, BN berupaya mengekalkan kedudukannya menadbir negara berikutan sikap pragmatik dan kebijaksanaan pemimpin dari dulu hingga sekarang serta memilih integrasi dan menolak asimilasi kerana mementingkan perpaduan sesama kaum.

Najib yang juga Timbalan Pengerusi BN, memuji Presiden LDP, Tan Sri Chong Kah Kiat kerana kejayaan memimpin LDP dan mendapat sokongan ahli sepanjang 17 tahun lalu.